

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld 2 (1)

29 September 2022
2 Rabiul Awal 1444

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.34/2022

PENSTRUKTURAN SEMULA SEKOLAH PERNIAGAAN ANTARABANGSA AZMAN HASHIM (AHIBS) DAN PENUBUHAN FAKULTI PENGURUSAN (FACULTY OF MANAGEMENT) BAGI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Bil. 7/2021/2022 pada 27 April 2022 dan Lembaga Pengarah Universiti Bil. 119 Tahun 2022 bertarikh 18 Mei 2022 bersetuju meluluskan cadangan Penstrukturan Semula Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim (AHIBS) UTM dan penubuhan Fakulti Pengurusan (Faculty of Management).

2. Azman Hashim International Business School Kuala Lumpur (AHIBS KL) akan kekal menggunakan nama Azman Hashim International Business School manakala Azman Hashim International Business School Johor (AHIBS JB) akan distrukturkan menjadi fakulti baharu dengan nama Fakulti Pengurusan (Faculty of Management).
3. Kelulusan penstrukturan semula AHIBS ini adalah selaras bagi memenuhi keperluan mendapatkan akreditasi dari *Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB)* serta mengembalikan ia kepada asas objektif penubuhannya sebagai penjana program pascasiswazah berteraskan pentadbiran perniagaan, pendidikan eksekutif dan pengantarabangsaan universiti.
4. Fakulti Pengurusan dengan fungsi utama adalah bagi menjayakan program akademik dan penyelidikan dalam bidang pengurusan kontemporari dengan pusat pentadbirannya di UTM Johor Bahru.
5. Penstrukturan semula entiti akademik baharu ini berkuat kuasa bermula **1 Oktober 2022**. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai pelaksanaan ini.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah